

Global Conferences Series:

Social Sciences, Education and Humanities (GCSSSEH), Volume 1, 2019

Simposium Antar Bangsa Seminar dan Workshop (SABSW)

DOI : <https://doi.org/10.32698/2155>

Kecerdasan Pelbagai dan Minat Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Muzarina Juhari¹, Ku Suhaila Ku Johari², MohdIzwan Mahmud³
suhaila@ukm.edu.my²

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Darul Ehsan, Malaysia.¹²³

Abstract. Intelligence is the ability to learn, understand, reason and solve problems effectively and the ability to contribute positively to the societies. This study was conducted to identify the multiple intelligence stage and career interest patterns among 77 secondary school students. This study is a quantitative that represents descriptive data analysis. The Inventory of Multiple Intelligence and Inventory of Career Interest were analyze using Statistical Package for Social Science (SPSS). The result of the study shows that the level of intelligence of form 3 students is moderate. A total of nine intelligence domains, verbal/visual linguistic is at moderate level of 54.2%, Naturalistic 51.8%, Visual Spatial domain is at 49.4%, Kinesthetic and Intrapersonal both at 47%, followed by Mathematic at 41%, Music and Interpersonal each at 34.9%. Existential domain is the lowest percentage in the study at 27.7%. This study suggests to examine the correlation of multiple intelligence and career interest toward academic achievement among students.

Keywords: multiple intelligence, career interest

1 Pendahuluan

Potensi manusia adalah berbeza di antara satu sama lain. Menurut Rogers dalam Corey dan Corey (2002) mencadangkan potensi boleh dicungkil daripada seseorang individu apabila berada dalam persekitaran yang betul. Dalam konteks pelajar di SMK Dato Undang Syed Ali Al Jufri, mereka telah didedahkan dengan berbagai bentuk latihan yang berbentuk kurikulum dan ko-kurikulum. Pelajar sekolah ini mendapat pendedahan latihan dari bentuk isi kandungan pelajaran, kokurikulum sukan, kelab dan persatuan dan bermacam-macam aktiviti sekolah yang perlu mereka ikuti. Ini menunjukkan mereka telah diberi ilmu, pengalaman untuk meningkatkan kecerdasan pelbagai. Sejurus itu, langkah Kementerian Pendidikan Malaysia mengarahkan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah sangat memberi impak yang positif. Pentaksiran Psikometrik adalah salah satu daripada empat komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan kepada pelajar tingkatan tiga seramai 77 orang. Teori Kecerdasan Pelbagai telah dikemukakan oleh Howard Gardner (1993, 1999). Beliau mengemukakan lapan (8) kecerdasan manusia yang dapat diperkembangkan sepanjang hayat. Menurut Gardner, manusia mempunyai kesemua lapan kecerdasan. Smith dan Smith (2002) telah menambah satu lagi kecerdasan iaitu eksistensial dan menjadikannya sembilan (9). Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner yang menggariskan kecerdasan manusia kepada lapan domain berlainan iaitu Verbal-linguistik (VL) – kebolehan dalam pertuturan dan penulisan sesuatu bahasa serta mempelajri banyak bahasa,

Logik-matematik (LM) – kebolehan untuk menganalisis masalah secara logik, menyelesaikan masalah matematik serta menyiasat sesuatu secara saintifik, Visual-ruang (VR) – kebolehan untuk membuat gambaran secara visual sama ada di atas kertas atau di minda, Kinestetik (KB) – mahir menggunakan pergerakan seluruh anggota badan untuk menyelesaikan sesuatu masalah, Muzik (MZ) – berkemahiran dalam seni persembahan, penciptaan lagu serta mahir menghargai karya muzik, Interpersonal (IE) – kebolehan untuk memahami perasaan, motivasi serta tabiat orang lain, Intrapersonal (IA) – kebolehan untuk memahami diri sendiri dan seterusnya boleh mempuak dan Naturalis (NA) –kebolehan untuk mengenal pasti dan mengakategorikan sepsis hidupan yang ada di persekitaran. Perbezaan kecerdasan-kecerdasan tersebut telah dibuat oleh Gardner berdasarkan kriteria serta bukti mencukupi yang membolehkan ia dipisahkan. Gardner telah membuat kajian terhadap pelbagai lapisan masyarakat termasuklah kanak-kanak biasa dan istimewa, juga kelompok penduduk yang mempunyai kriteria yang istimewa (special population). Gardner juga mengatakan bahawa kecerdasan bukanlah semata-mata diwarisi tetapi boleh dikembangsuburkan.

Pemilihan teori Tipologi Kerjaya Holland ini dijadikan asas pembangunan instrumen ujian kerana teori ini mudah difahami dan boleh diuji secara empirikal mengikut kesesuaian individu dan persekitaran (Holland dan Raymon, 1986). Teori ini mempunyai tiga keperluan komponen utama iaitu individu, persekitaran dan keserasian antara individu dan persekitaran. Pemilihan kerjaya seseorang individu adalah berdasarkan personaliti dan beberapa pembolehubah lain yang terdapat pada latar belakang pekerjaan itu (Holland, 1973).

Objektif Kajian

Objektif yang perlu dicapai oleh penyelidik dalam kajian ini adalah seperti berikut :-

1. Mengenal pasti tahap kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid tingkatan tiga
2. Mengenal pasti pola minat kerjaya dalam kalangan murid tingkatan tiga

Kajian Lepas

Kajian Faktor Kecerdasan Pelbagai Dalam Pembentukan Profil Remaja oleh Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin, Arbaiyah Md Zin, Nik Noralhuda Nik Mohamed (2011) Kajian ini bertujuan mengenal pasti sumbangan faktor-faktor kecerdasan pelbagai (KP) terhadap lapan kecerdasan pelbagai yang dipelopori oleh Gardner. Kajian ini juga bertujuan meninjau perbezaan faktor-faktor kecerdasan pelbagai berdasarkan jantina, bangsa, kategori sekolah, aliran dan SES (Social Economic Status). Kajian ini telah dijalankan secara tinjauan dan dianalisa secara kuantitatif ke atas 511 murid dengan menggunakan instrument MyMICA 2006 (Malaysian Multiple Intelligence Check list for Adult 2006). Analisis regresi linear menunjukkan kecerdasan Visual Ruang memberi sumbangan paling tinggi iaitu 97.8% terhadap kecerdasan Logik Matematik manakala kecerdasan Verbal Linguistik pula memberi sumbangan paling rendah iaitu 22.2% terhadap kecerdasan Muzik. Melalui analisis ANOVA, antara dapatan yang diperoleh ialah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kategori sekolah dalam dua kecerdasan pelbagai iaitu Verbal Linguistik ($F = 25.11, p < 0.01$) dan Intrapersonal ($F = 14.85, p < 0.01$). Terdapat juga perbezaan yang signifi kan antara murid Melayu dan bukan Melayu pada dua kecerdasan pelbagai iaitu Muzik ($F = 12.82, p < 0.01$) dan Kinestetik ($F = 9.58, p < 0.01$). Implikasi kajian menunjukkan guru dan pentadbir sekolah

perlu peka terhadap kecerdasan pelbagai yang berbeza bagi setiap individu murid. Guru seharusnya mengguna sepenuhnya kemudahan prasarana sekolah untuk mencungkil kecerdasan ini bagi memaksimumkan prestasi murid.

Menurut Iskandar Rohaty Mohd. Majzub, Zuria Mahmud (2009) menjalankan kajian Kecerdasan Emosi dan Komitmen Pekerjaan dalam Kalangan Pensyarah Universiti di Indonesia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti profil kecerdasan emosi dan profil komitmen pekerjaan dalam kalangan 265 pensyarah universiti di Indonesia. Kajian ini menggunakan instrumen Inventori Kepintaran Emosi Malaysia (IKEM) dan sebuah instrumen yang dibina oleh pengkaji iaitu inventori komitmen pekerjaan pensyarah. Analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa pensyarah memperolehi skor min kecerdasan emosi yang tinggi bagi dimensi kerohanian dan kematangan, dan skor min sederhana bagi dimensi motivasi kendiri, regulasi kendiri dan empati, dan skor min paling rendah untuk dimensi kesedaran kendiri dan kemahiran sosial. Kajian turut mendapat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi profil kecerdasan emosi pensyarah berdasarkan faktor kumpulan umur dan pengalaman pekerjaan, dan terdapat perbezaan yang signifikan dalam komitmen pekerjaan pensyarah mengikut kumpulan umur, tahap pendidikan, dan pengalaman mengajar. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan komitmen pekerjaan. Ujian regresi mendapat dimensi kemahiran sosial dalam kecerdasan emosi menyumbang secara signifikan kepada komitmen pekerjaan.

Seterusnya, Kajian Kecerdasan Pelbagai Dalam Kalangan Murid Universiti Awam Malaysia oleh Mohd Kashfi b. Mohd Jailani, Siti Rahayah Ariffin, Rosseni Din, Bishanani Omar & Sarimah Mokhtar (2011) ini bertujuan membentuk profil kecerdasan pelbagai murid universiti awam dari aspek jantina dan fakulti. Seterusnya mengenal pasti perbezaan dan persamaan antaranya. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif ke atas 1154 murid ijazah pertama salah sebuah universiti awam di Malaysia dengan menggunakan soal selidik ‘Ujian Kecerdasan Pelbagai Remaja Malaysia (UKPRM) – Malaysia Adolescent Multiple Intelligences Test (MAMIT)’ secara atas talian. Di dalam kajian ini, statistik deskriptif dalam bentuk skor min dan peratus min digunakan. Bagi profil jantina menunjukkan murid perempuan dominan dalam dua domain iaitu kerohanian dan muzik sementara murid lelaki tinggi dalam tujuh domain yang lain. Domain kecerdasan antara fakulti pula menunjukkan kumpulan murid dari Fakulti Ekonomi, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Undang- undang, Fakulti Perubatan dan Fakulti Sains Teknologi lebih baik dalam kebanyakan domain berbanding dengan fakulti-fakulti lain.

Mohd Kashfi Mohd Jailani, Rosseni Din, Siti Rahayah Ariffin, Muhammad Amirul Abdullah, Norliza Ghazali, Ida Kamalawati Abu Bakar, Shah Nazim Shahar (2013) telah menjalankan kajian Kecerdasan Pelbagai (MI) dan Gaya Pembelajaran (LeS) Dalam Kalangan Murid Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan satu set soal selidik yang dibangunkan sekumpulan penyelidik yang dikenali sebagai Electronic System of Multiple Intelligences and Learning Styles (e-MILeS). Soal selidik ini mengandungi 81 item berskala likert lima mata yang mewakili sembilan konstruk kecerdasan pelbagai (Multiple Intelligence) iaitu logik-matematik, verbal-linguistik, visual-ruang, muzik, kinestetik-badan, interpersonal, intrapersonal, natural dan kerohanian. Dapatkan kajian menunjukkan skor min tertinggi bagi kecerdasan pelbagai dicatatkan pada gugusan Sains Sosial untuk domain kerohanian, manakala skor min yang terendah dicatatkan pada gugusan Sains Kesihatan bagi domain visual ruang. Bagi gaya pembelajaran pula, gugusan Sains Sosial

menunjukkan skor min tertinggi dalam gaya pembelajaran kolaboratif, manakala skor min terendah ialah gaya pembelajaran mengelak.

2 Metode

Reka bentuk kajian melibatkan pendekatan kuantitatif yang melibatkan pengutipan data menggunakan instrumen kecerdasan pelbagai sedia ada.

Sampel Kajian

Pemilihan sekolah dansampel kajian adalah dilakukan untuk selaras dengan keperluan reka bentuk dan tujuan kajian. Kajian ini memerlukan pemantauan oleh penyelidik untuk menjaga kesahan dalaman kajian dan pemerhatian pemerhati untuk tujuan pengumpulan data. Populasi dalam kajian ini hanya melibatkan 424 orang pelajar SMK Dato Undang Syed Ali Al Jufri, Jelebu Negeri Sembilan iaitu seramai 198 orang pelajar lelaki dan 226 pelajar perempuan. Pelajar yang terlibat adalah dalam lingkungan umur 15 – 18 tahun. Pengambilan sampel kajian adalah secara tidak rawak dengan mengambil kesemua pelajar tingkatan tiga seramai 77 orang. Hasilnya mendapati kesemua pelajar tingkatan tiga mempunyai kecerdasan pelbagai padatahah sederhana.

Instrumen Kajian

Instrumen Kecerdasan Pelbagai

Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan atau mengumpul maklumat mengenai murid ialah Instrumen Kecerdasan Pelbagai (IKP). Instrumen ini dibangunkan berdasarkan teori Kecerdasan Pelbagai (MI) oleh Howard Gardner (1985) dan Smith dan Smith (2002).

Instrumen ini terdiri daripada Kertas 1 dan Kertas 2.

Kertas 1 mengandungi :

Bahagian A

20 item menguji Verbal Linguistik Bahasa Melayu (30 minit)
20 item menguji Verbal Linguistik Bahasa Inggeris (30 minit)

Bahagian B

20 item menguji Logik-Matematik (30 minit)
10 item menguji Visual-Ruang (20 minit)

Murid dikehendaki menjawab di atas borang jawapan yang diberi dengan melorek pada pilihan jawapan yang tepat.

Kertas 2 mengandungi:

130 item persepsi yang mewakili konstruk Visual-Ruang, Muzik, Naturalis, Intrapersonal, Interpersonal, Kinestatik dan Eksistensial.

Murid perlu menjawab YA atau TIDAK pada pernyataan mengenai diri mereka.
Masa yang diperuntukan adalah 45 minit.

Item Instrumen Kecerdasan Pelbagai ini telah dipraruji kepada murid Tingkatan 3 di sekolah menengah di Malaysia dan menggunakan kaedah persampelan berstrata. Sekolah-sekolah sampel terdiri daripada sekolah menengah di bandar, pinggir bandar, luar bandar juga yang berprestasi tinggi, berprestasi sederhana dan berprestasi rendah. Pemilihan murid sebagai responden juga mengambil kira jantina, kaum dan prestasi. Data telah dianalisis untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan iaitu KR-20 dan kesahan item iaitu Mean fit square (MNSQ).

Instrumen Minat Kerjaya

Instrumen Inventori Minat Kerjaya (IMK) untuk Tingkatan 3 telah dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan berdasarkan Inventori Minat Kerjaya (KPM, 2012b). Beberapa penambahbaikan telah dilakukan dengan menggunakan grafik dan penerangan untuk meningkatkan kefahaman murid terhadap maklumat yang hendak disampaikan. Komponen baharu yang ditambahkan untuk inventori ini ialah kecekapan pada Bahagian C. IMK Tingkatan 3 mempunyai tiga bahagian iaitu :

- Bahagian A : Kesukaan
- Bahagian B : Pekerjaan
- Bahagian C : Kecekapan.

Instrumen IMK Tingkatan 3 mengandungi 6 konstruk iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (K). Setiap konstruk mempunyai 30 item dan jumlah item ialah 180.

Data Analisis

Data bagi kajian ini akan dianalisis menggunakan analisis statistik jenis diskriptif yang digunakan bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, dan nilai skor min. Data yang diperlukan dalam kajian ini adalah; jenis Kecerdasan Pelbagai dalam kalangan murid tingkatan tiga dan juga tahap Kecerdasan Pelbagai dalam Kalangan murid tingkatan tiga. Bagi menganalisis data – data tersebut, perisian SPSS akan digunakan bagi mendapatkan nilai kekerapan dan peratusan bagi setiap item soal selidik,an juga bagi mendapatkan nilai skor min bagi setiap konstruk soal selidik.

3 Hasil dan Pembahasan

Dapatan kajian menunjukkan peratus sembilan domain kecerdasan pelbagai mengikut tahap iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Domain bahasa atau visual linguistik mempunyai peratus sebanyak 32.5% di tahap rendah, 54.2% di tahap sederhana dan 6.0% di tahap tinggi. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar tingkatan tiga SMK Dato Undang Syed Ali Al Jufri mempunyai kemahiran merakam perkakapan sendiri kemudian mendengar semula apa yang mereka rakamkan. Mereka juga mahir dalam mengajar dan kawan atau ahli keluarga membaca malah suka melakukan sesi bercerita bersama-sama. Dapat di kenalpasti bahawa

mereka yang mempunyai skor tertinggi dalam domain ini mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang peguam, guru, wartawan dan juga pembaca berita. Domain matematik mempunyai peratusan sebanyak 14.5% di tahap rendah, 41.0% di tahap sederhana dan di tahap tinggi sebanyak 40.3%. pelajar – pelajar yang di kenal pasti mempunyai peratusan tinggi di tahap sederhana mempunyai minat dalam bermain dengan nombor dalam menganalisis sesuatu dan amat gemar bekerja dalam situasi yang memerlukan penyelesaian yang tepat. Bidang pekerjaan yang dipilih oleh mereka dalam kalangan matematik ini adalah seperti akauntan, programmer, ahli fizik dan juga jurutera. Seterusnya adalah domain visual ruang yang mempunyai peratusan paling rendah di tahap tinggi iaitu hanya 18.1%, 25.3% di tahap rendah dan di tahap sederhana sebanyak 49.4%. Kajian ini mengenal pasti bahawa masih terdapat ramai pelajar yang gemar akan dunia visual dan mereka yang berada dalam domain ini adalah mereka yang suka melukis, menconteng atau mencipta gambaran 3D. Pelajar dalam kelompok domain ini juga sangat peka dengan pertalian antara objek dalam ruang dan kebanyakan mereka yang berada dalam domain ini memilih kerjaya sebagai arkitek, pengurusan grafik dan kartunis. Domain naturalistik mempunyai skor peratusan yang tinggi pada tahap sederhana iaitu sebanyak 51.8% diikuti oleh 33.7% di tahap rendah dan 7.2% di tahap tinggi. Pelajar yang berada dalam domain ini dilihat cenderung kepada alam sekitar, gemar memerhati dan peka kepada perubahan yang berlaku dengan alam sekitar. Peratusan domain Intrapersonal juga mempunyai min skor yang tertinggi di tahap sederhana iaitu sebanyak 47.0%, di ikuti 37.3% di tahap tinggi dan mempunyai skor paling rendah di tahap rendah iaitu hanya 8.4% sahaja. Pelajar yang berada dalam domain ini mempunyai kemahiran mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri sendiri dan dapat menggunakan kekuatan diri untuk membuat sebarang keputusan. Mereka yang berada dalam domain ini juga dikenalpasti sebagai seorang yang suka mendengar dan tahu matlamat kehidupan mereka. Kerjaya pilihan pelajar yang berada di dalam domain ini seperti ahli pskilogi, penyelidik, usahawan, penulis, novelis ataupun menjadi seorang ahli falsafah. Domain seterusnya ialah interpersonal yang mempunyai peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 54.2% di tahap tinggi, di tahap sederhana 34.9% dan tahap rendah 3.6% sahaja. Ini dapat di lihat bahawa pelajar yang berada dalam kalangan domain ini masih mempunyai sifat peka terhadap perasaan dan mood orang lain, suka membantu, gemar berkawan, mudah bekerja di dalam satu kumpulan dan saling memainkan peranan sebagai pemimpin di rumah atau pun di sekolah. Mereka juga mudah merasa empati kepada orang lain. Kerjaya seperti kaunselor ataupun ahli sukarelawan menjadi pilihan kerjaya utama mereka yang berada dalam domain ini. Domain kinestetik adalah pilihan pelajar yang gemar kepada aktiviti fizikal seperti bersukan, bermain dengan objek ataupun sebarang aktiviti yang melakukan pergerakan. Kinestetik mempunyai peratusan yang tinggi dalam tahap sederhana iaitu sebanyak 47.0%, 39.9% di tahap rendah dan hanya 6.0% di tahap tinggi. Domain kecerdasan pelbagai yang terakhir di uji adalah domain existential. Existential mempunyai peminatnya sendiri apabila berada dalam tahap tinggi dan juga mempunyai peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 62.7%, di ikuti 27.7% di tahap sederhana dan 2.4% di tahap rendah. Pelajar yang berada dalam kelompok domain ini adalah mereka yang mempunyai keupayaan melihat sesuatu secara holistik, memahami nilai-nilai kehidupan dan lebih kepada menjiwai sesuatu dengan mudah. Mereka dalam kelompok ini juga gemar kepada budaya sastera dan sangat mementingkan peradaban, dan menghormati nilai-nilai kemasyarakatan.

Jadual1 Kecerdasan pelbagai mengikut tahap

Pemboleh ubah	Rendah (%)	Sederhana (%)	Tinggi (%)	Jumlah (%)
Bahasa	32.5	54.2	6.0	92.8
Mathematik	14.5	41.0	40.3	92.8
Visual Ruang	25.3	49.4	18.1	92.8
Musik	44.6	34.9	13.3	92.8
Naturalistik	33.7	51.8	7.2	92.8
Intrapersonal	8.4	47.0	37.3	92.8
Interpersonal	3.6	34.9	54.2	92.8
Kinaesthetik	39.9	47.0	6.0	92.8
Existential	2.4	27.7	62.7	92.8

Kajian ini mengenalpasti kecerdasan pelbagai yang mengandungi Sembilan domain dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan tiga SMK Dato Undang Syed Ali Al-Jufri. Domain kecerdasan bahasa, domain kecerdasan interpersonal, domain kecerdasan existential dan domain naturalistik merupakan kecerdasan pelbagai yang dikuasai pelajar dengan baik. Namun begitu domain-domain kecerdasan pelbagai perlu diperkuatkan lagi dengan mengambil kira faktor persekitaran. Faktor persekitaran ini termasuklah teknik pengajaran guru, bahan bantu mengajar, motivasi oleh guru dan galakan keluarga. Faktor persekitaran ini perlu ditekankan bagi memastikan pelajar lebih meningkat kecerdasannya pelbagai dan seterusnya membolehkan mereka lebih cemerlang dalam pencapaian mereka sama ada dari aspek akademik maupun kehidupan harian.

Peranan guru dalam memerhati dan memotivasi pelajar juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecerdasan pelbagai pelajar. Ini adalah satu titik permulaan dimana guru perlu mengenal pasti kekuatan murid dalam kecerdasan pelbagai dan juga kekuatan murid. Ini membantu guru memilih strategi yang sesuai dan memadankan dengan kecerdasan murid. Intervensi ini boleh dilakukan oleh guru dengan memerhati kekuatan pelajar dalam kecerdasan pelbagai melalui tingkah laku pelajar ketika belajar, aktiviti yang di gemari oleh pelajar masa lapang, laporan prestasi dan profil kecerdasan pelajar. Dengan ini, guru juga boleh memperkembangkan potensi murid dalam kecerdasan lain yang belum menyerlah. Seorang pelajar yang mempunyai potensi tinggi namun jika tidak di gilap ia akan membantutkan kecerdasan murid tersebut.

Berdasarkan hasil kajian ini, pelajar tingkatan tiga perlu diberi perhatian untuk meningkatkan penguasaan kecerdasan pelbagai melalui aktiviti-aktiviti yang sesuai dan berkesan dengan mereka

4 Kesimpulan

Melalui dapatan kajian ini, pengkaji mendapati pelajar-pelajar tingkatan tiga SMK Dato Undang Syed Ali Al Jufri mempunyai kecerdasan pelbagai dan pola minat kerjaya yang tidak jauh perbezaannya. Sistem pentaksiran perlu diperkembangkan dan dipelbagaikan supaya tidak hanya mentaksir kecerdasan mental semata-mata sebaliknya merangkumi pelbagai potensi dan kebolehan individu. Pihak sekolah juga harus terus memberikan maklumat kerjaya kepada pelajar agar mereka lebih terdedah dengan pilihan kerjaya yang sesuai dengan diri pelajar dan tidak salah dalam memilih kerjaya sesuai dengan kekuatan dan kelemahan diri pelajar tersebut.

References

- [1] Abdullah Ismail, Raja Maznah Raja Hussain &Shahril Jamaluddin. 2010. Assessment of students' learning styles preferences in the faculty of science, Tishreen University, Syria. Procedia Social and Behavioral Sciences 2, 4087–4091.
- [2] Amla, S. (2010). Career education and human capital development. Inaugural lecture. National University of Malaysi0a (UKM), Bangi
- [3] Gardner, H. 1983. Frames of Mind. New York: Basic Books Inc.
- [4] Gardner, H. (1993). Frame Of Mind: The theory of multiple intelligences.New York, NY: Basic Book
- [5] Gardner, H. 1999. Intelligence Reframed.USA: Basic Books.
- [6] Holland, J. L. (1973). Making Vocational Choice: A Theory Of Careers. Englewood Cliff. Prentice Hall: New Jersey.
- [7] Iskandar RohatyMohd. MajzubZuria Mahmud (2009) Kecerdasan Emosi dan KomitmenPekerjaan dalam Kalangan Pensyarah Universiti di Indonesia. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 173 – 186
- [8] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. ManualPentaksiran Psikometrik. LembagaPeperiksaan.
- [9] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012b. InventoriMinat Kerjaya, Lembaga Peperiksaan.
- [10] Gardner, H. 1983. Frames of Mind. New York: Basic Books Inc.
- [11] Gardner, H. (1993). Frame Of Mind: The theory of multiple intelligences.New York, NY: Basic Book
- [12] Gardner, H. 1999. Intelligence Reframed.USA: Basic Books.
- [13] Holland, J. L. (1973). Making Vocational Choice: A Theory Of Careers. Englewood Cliff. Prentice Hall: New Jersey.
- [14] Iskandar RohatyMohd. MajzubZuria Mahmud (2009) Kecerdasan Emosi dan Komitmen Pekerjaan dalam Kalangan Pensyarah Universiti di Indonesia. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 173 – 186
- [15] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Manual Pentaksiran Psikometrik. LembagaPeperiksaan.
- [16] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012b. Inventori Minat Kerjaya, LembagaPeperiksaan.
- [17] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia -2013-2025.

- [18] Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (7th ed.). Ampang/Hulu Kelang: DawamaSdn.Bhd.
- [19] MohdKashfi Bin MohdJailani (2011). *Kecerdasan Pelbagai Dalam Kalangan Pelajar Universiti Tempatan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [20] Siti RahayahAriffinRoseniAriffinArbaiyahMdZin Nik Noralhuda Nik Mohamed (2011) *Kajian Faktor Kecerdasan Pelbagai Dalam Pembentukan Profil Remaja Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 8* (2011): 183-204